



PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD

SURAT AKUJANJI ANTARA PEMOHON DAN TUKANG PAIP (INDIVIDU)

PEMOHON

1. Pemohon hendaklah memastikan serta memahami isi kandungan peraturan mengikut **Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta IPA)** serta **syarat – syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad sebelum menandatangani** dokumen – dokumen berikut untuk Permohonan Baru Individu dan Permohonan Sambung Tukar Nama.
2. Pemohon perlu mendapatkan borang – borang di Kaunter PAIP seperti berikut :
 - a. Borang Pra Permohonan Bekalan Air (Kelulusan Ujian Tekanan Air)
 - b. Borang Permohonan Bekalan Air PAIP 01-a
 - c. Borang Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air
 - d. Borang Notis Caj Sumbangan Modal (Jika berkaitan)
 - e. Borang Permohonan Pengambilan Meter (Jika Perlu)
 - f. Borang Akujanji Mematuhi Syarat Dan Tanggung Rugi (Jika perlu)
3. Pemohon perlu hadir ke Kaunter Pejabat Pengurusan Air Pahang Berhad bersama Tukang Paip yang dilantik bagi menandatangani dokumen. Jika pemohon / pelanggan tidak dapat hadir, boleh diwakili kepada ahli keluarga atau wakil syarikat dengan membuat surat memberi kuasa sebagai wakil kepada pemohon. **Tukang Paip adalah tidak dibenarkan untuk mewakili pemohon.**
4. Bagi pemohon yang bukan pemilik tanah hendaklah mendapatkan perjanjian sewaan dari tuan tanah untuk diterima proses permohonan bekalan air **(lengkap Cop Duti Setem atau Pesuruhjaya Sumpah)**. Bagi pemohon bukan pemilik tanah yang bukan diberikan menduduki tanah untuk tujuan mendirikan rumah atau pertanian oleh Pejabat Tanah dan Galian atau Kerajaan Negeri Pahang perlu mendapatkan pengesahan surat rasmi dari pegawai kerajaan (gred A) tersebut.
5. Pemohon juga perlu memastikan Tukang Paip yang dilantik berdaftar Permit A2 dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Untuk makluman Tukang Paip, pemohon boleh mendapati dengan melayari laman sesawang : <https://www.span.gov.my/article/view/permit-ipa-jenis-a1-a2> dan masukkan kata kunci carian : **Pahang / Daerah Dalam Pahang.**
6. Pemohon perlu mengambil maklum bahawa **segala pembayaran dengan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad** hanyalah melibatkan **Caj Deposit, Caj Fi Pemasangan Meter dan Caj Sumbangan Modal sahaja. Segala kos bagi kerja – kerja penyambungan paip sehingga ke tetiang meter adalah di antara pemohon dengan Tukang Paip yang dilantik oleh pemohon.** Pemohon perlulah memastikan semua pembayaran kos kepada Tukang Paip dijelaskan selepas segala dokumentasi diluluskan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad.

TUKANG PAIP A2

1. Saya faham proses permohonan ini perlu mendapatkan kelulusan Pra Permohonan Bekalan Air (Kelulusan Ujian Tekanan Air) dari Pengurus Daerah / Penolong Pengurus Daerah (Korporat) terlebih dahulu.
2. Saya faham dan akan memaklumkan kepada pemohon tentang Caj Deposit, Caj Fi Pemasangan Meter dan Caj Sumbangan Modal adalah mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta IPA) yang akan dibayar kepada pihak Pengurusan Air Pahang Berhad dan caj bagi kos kerja saya sebagai Tukang Paip adalah berlainan.
3. Setelah Pra Permohonan Bekalan Air (Kelulusan Ujian Tekanan Air) diluluskan oleh Pengurus Daerah / Penolong Pengurus Daerah (Korporat). Saya hanya akan menjalankan kerja – kerja tebusan paip dan penyambungan paip dari 'saddle' sehingga ke tetiang meter apabila dibenarkan oleh pegawai PAIP semasa sesi lawatan ke tapak premis.
4. Saya akan memastikan kerja – kerja turapan jalan mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR) dan saya juga akan bertanggungjawab sepenuhnya keatas kerosakan turapan jalan tersebut di dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh pemasangan meter air di premis pemohon.
5. Saya akan memastikan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerosakan penyambungan paip dari 'saddle' sehingga ke tetiang meter dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh pemasangan meter air di premis pemohon.
6. Saya akan memastikan segala kerja yang dijalankan diambil gambar dan akan mengemukakan kepada laporan bergambar kaedah penyambungan paip dari 'saddle' sehingga ke tetiang meter untuk proses kelulusan permohonan bekalan air.
7. Sekiranya saya gagal mematuhi syarat – syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad. Pihak Pengurusan Air Pahang Berhad berhak mengambil tindakan yang sewajarnya kepada saya termasuk tindakan melaporkan kesalahan saya sebagai Tukang Paip ke Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

No. Pra Permohonan Bekalan Air : _____

No. Borang Permohonan Bekalan Air PAIP – 01a : _____

DITANDATANGANI OLEH :
(PEMOHON)

DITANDATANGANI OLEH :
(TUKANG PAIP)

.....
Nama :

No. K/P :

Tarikh :

.....
Nama :

No. Permit A2 :

Cop :

Tarikh :